
Penerapan Nilai Karamah Insaniah Dalam Pembangunan Sahsiah Keguruan Melalui Aktiviti Kokurikulum Pandu Puteri

Sholehah Ismail¹, Nurwaina Rasit², Rozana @Umi Kalthum Sahul Hamid³

¹ *Jabatan Pendidikan Jasmani, Kesihatan dan Kokurikulum,
IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka
E-mail:sholehah@ipgm.edu.my*

² *Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi
IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka
E-mail:nurwaina@ipgm.edu.my*

³ *Jabatan STEM
IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka
E-mail:rozana@ipgm.edu.my*

Abstract

Penerapan karamah insaniah sangat signifikan dalam pembangunan sahsiah guru kerana ia membentuk jati diri yang berintegriti, beretika, berempati, dan mampu melaksanakan peranan sebagai pendidik dan pembimbing secara holistik. Kajian ini bertujuan mengkaji tahap penerapan konsep *karamah insaniah* dan hubungannya dalam pembangunan sahsiah guru pelatih melalui aktiviti kokurikulum Unit Pandu Puteri di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Pendekatan kuantitatif digunakan dengan menyebarkan soal selidik kepada 120 guru pelatih yang aktif dalam aktiviti Pandu Puteri. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi- korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penerapan nilai karamah insaniah secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan nilai (Min =4.25; SP = 0.48). Bagi subkonstruk Amanah dan Tanggungjawab mencatat nilai tertinggi dengan nilai (Min= 4.35; SP= 0.42) diikuti dengan Kepimpinan Beretika dengan nilai (Min= 4.28, SP = 0.50), Disiplin Kendiri dan Jati Diri dengan nilai (Min=4.30; SP=0.45), manakala subkonstruk Empati dan Kasih Sayang menunjukkan tahap sederhana tinggi dengan nilai (Min; 4.12; SP= 0.53). Analisis korelasi Pearson mengesahkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan tahap penerapan nilai *karamah insaniah* ($r = 0.54, p < 0.01$) dalam kalangan guru pelatih. Kajian ini menyimpulkan bahawa aktiviti kokurikulum Pandu Puteri berperanan penting dalam membentuk sahsiah guru pelatih secara holistik, menekankan nilai spiritual dan akhlak Islam dalam pembangunan insan. Justeru, kajian mencadangkan pengintegrasian modul latihan berteraskan *karamah insaniah* dalam program kokurikulum untuk memperkukuh pembinaan sahsiah yang seimbang dan berteraskan nilai Islam dalam kalangan guru pelatih.

Keywords : *Karamah Insaniah; Pembangunan Sahsiah; Kokurikulum; Pendidikan Guru; Nilai Islam*
